

Naftifine hydrochloride (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Exoderil
2. Bagaimana Exoderil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Exoderil
4. Cara menggunakan Exoderil
5. Semasa menggunakan Exoderil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Exoderil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Exoderil

Ia digunakan untuk rawatan jangkitan kulat pada kulit dan lipatan kulit, jangkitan kulat pada kaki (terutamanya di celah-celah jari dan tapak kaki), kuku dan tangan.

Bagaimana Exoderil berfungsi

Exoderil adalah untuk kegunaan luaran sahaja bagi merawat jangkitan kulat. Ia mengandungi naftifine hydrochloride sebagai bahan aktif. Exoderil berkesan menghentikan pertumbuhan dan pembiakan sel-sel kulat. Ia juga bertindak menentang banyak bakteria berlainan yang biasanya menjangkiti manusia bersama dengan jangkitan kulat.

Disebabkan tindakan anti radangnya, tanda keradangan, khususnya kegatalan, hilang dengan cepat.

Sebelum menggunakan Exoderil

- Bila tidak boleh menggunakan Exoderil

Jika anda alah kepada naftifine hydrochloride (bahan aktif), benzyl alcohol (pengawet) atau sebarang bahan-bahan lain dalam ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda mengandung atau menyusukan anak, atau anda fikir anda mengandung atau merancang untuk mengandung, minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda menggunakan ubat ini. Sebagai langkah-langkah berjaga, ubat ini harus dielakkan semasa mengandung atau menyusukan anak.

- Sebelum menggunakan Exoderil

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Exoderil jika anda ada sebarang masalah kesihatan.

- Mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil/

menggunakan atau telah mengambil/ menggunakan ubat lain baru-baru ini atau akan mengambil/ menggunakan sebarang ubatan lain.

Cara menggunakan Exoderil

- Berapa banyak harus digunakan
Exoderil hendaklah digunakan sekali sehari. Sapukan perlahan-lahan sehingga ubat meresap ke dalam kulit yang bersih dan kering dan sekelilingnya.

Kanak-kanak dan remaja

Keselamatan dan keberkesanan naftifine di kalangan kanak-kanak dan remaja bawah umur 18 tahun masih belum diketahui. Tiada data mengenainya.

Orang yang mengalami kerosakan fungsi buah pinggang dan hati

Tidak perlu penyesuaian dos.

Warga tua

Tidak perlu penyesuaian dos.

Gunakan ubat ini betul-betul seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan kepastian daripada doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

- Cara menggunakan Exoderil
Exoderil disapu khusus pada kulit. Exoderil tidak boleh terkena mata, hidung, mulut dan membran mukus yang lain.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini betul-betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti. Basuh tangan anda sebelum dan selepas menggunakan krim untuk menghalang sumber jangkitan atau jangkitan semula.

- Berapa lama perlu digunakan
Walaupun gejalanya (seperti gatal) hilang dengan cepat, adalah penting untuk meneruskan rawatan jangkitan kulat kulit untuk selama dua minggu lagi selepas semua tanda penyakit hilang, untuk mengelakkan jangkitan berulang.
Jika anda tidak melihat tanda penyakit bertambah baik dalam masa 4 minggu selepas permulaan rawatan, sila jumpa doktor anda.
Jika gejala berterusan atau rawatan tidak memberi kesan yang dijangkakan, anda mesti berjumpa doktor dengan secepat mungkin.

- Jika terlupa menggunakan
Anda hendaklah menggunakan ubat anda setiap hari. Bagaimanapun, jika anda terlupa untuk menggunakan satu atau beberapa dos, gunakan ubat anda sebaik sahaja anda teringat dan kemudian teruskan rawatan mengikut preskripsi. Jangan gunakan dos berganda.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Tiada situasi yang boleh mengancam nyawa mungkin berlaku.

Jika tertelan sedikit Exoderil secara tidak sengaja, pergi berjumpa doktor.

Semasa menggunakan Exoderil

- Perkara yang perlu dilakukan

- Elakkan penggunaan pakaian atau pembalut yang ketat melainkan jika diarahkan oleh doktor.
- Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Exoderil.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan hentikan penggunaan ubat melainkan dinasihati oleh doktor anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan beri Exoderil kepada sesiapa, walaupun mereka mengalami gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Exoderil tiada kesan ke atas keupayaan untuk memandu atau menggunakan mesin.

Sekiranya kerengsaan atau sensitiviti berlaku dengan penggunaan Exoderil Cream 1%, rawatan perlu diberhentikan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Exoderil boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Dalam kes terencil, hanya beberapa kes kerengsaan kulit mungkin berlaku, seperti rasa kering dan pedih, serta kemerahan.

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, beritahu doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuk sebarang

EXODERIL CREAM

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Naftifine hydrochloride (1% w/w)

kesan sampingan mungkin dialami yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my (Consumers → Reporting → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan Exoderil

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Selepas dibuka, gunakan dalam masa 4 minggu.

Simpan di tempat yang tidak boleh dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak. Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada tiub atau kotak luar.

- Pelupusan

Ubat tidak sepatutnya dilupuskan menerusi air buangan atau sampah sarap rumah. Tanya ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim putih, licin atau sedikit kasar dan berkilat di dalam tiub aluminium dengan penutup plastik.

- Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif

Bahan aktif adalah naftifine hydrochloride.

1 gram mengandungi 10 mg naftifine hydrochloride.

- Bahan tidak aktif

Sodium hydroxide
Benzyl alcohol
Sorbitan stearate
Cetyl palmitate
Cetyl alcohol
Stearyl alcohol
Polysorbate 60
Isopropyl myristate
Purified water.

- Nombor MAL

MAL20061492X

39171 Sulzetal, OT Ostwerweddingen, Germany.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sandoz Products Malaysia Sdn. Bhd.
3A-2 & 3A-3, Level 3A, Menara KEN TTDI,
No. 37, Jalan Burhanuddin Helmi,
Taman Tun Dr Ismail,
60000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

Ogos 2026

Nombor siri

NPRA(R2/1)240314/1226

Pengilang

Salutas Pharma GmbH,
Betriebsstatte Ostwerweddingen,
Lange Goehren 3,